



Sukarelawan rohani

Aktiviti sukarelawan merujuk kepada aktiviti kemasyarakatan membabitkan sumbangan tenaga dan bakti kepada golongan yang memerlukan.

Ia juga dilakukan atas dasar kasih sayang, secara sukarela dan tanpa paksaan daripada mana-mana pihak mahupun golongan tertentu.

Generasi muda perlu menyertai aktiviti kemasyarakatan secara sukarela kerana ia secara tidak langsung dapat memupuk ciri disiplin dan kepimpinan serta menimba ilmu baharu.

Anak muda dahulu mempunyai kecenderungan tinggi dalam melakukan sesuatu kerja secara sukarela tanpa mengharapkan sebarang balasan atau ganjaran lumayan.

Namun, segelintir golongan muda kini ada yang melakukan sesuatu kerja hanya untuk mendapatkan imbuhan. Sikap seumpama ini perlu dikikis dalam diri agar ia tidak menjadi tabiat dalam kehidupan seharian.

Media massa memainkan peranan yang penting dalam mempromosikan aktiviti kemasyarakatan secara sukarela dan menyedarkan generasi muda mengenai

manfaat diterima menerusi pembabitkan dalam aktiviti seumpama itu.

Antara lain, aktiviti itu dapat memupuk semangat perpaduan yang kukuh dalam kalangan masyarakat tanpa mengira kaum dan perbezaan status.

Kasih sayang

Ia mampu menyemai perasaan kasih sayang sesama insan tanpa mengira agama mahupun bangsa serta memupuk sifat berkorban demi kebaikan bersama-sama.

Menyentuh mengenai kebajikan masyarakat, kita sering terbayang usaha mencukupkan keperluan golongan kurang berkemampuan, contohnya fakir miskin dan orang kurang upaya dalam bentuk barangan atau khidmat bakti.

Namun, Islam pergi lebih jauh daripada itu. Dalam Islam, menjaga kebajikan ahli masyarakat yang lain bukan sahaja merujuk kepada memenuhi keperluan fizikal dan mental, tetapi juga keperluan spiritual.

Apakah yang dimaksudkan dengan memenuhi keperluan spiritual ialah membantu ahli masyarakat untuk memiliki ilmu kerohanian serta mengamalkannya.

“**DALAM ASPEK PEMBERIAN KHIDMAT PULA, DALAM AL-QURAN MENJELASKAN TELADAN TERBAIK MENERUSI KISAH ORANG ANSAR MEMBANTU GOLONGAN MUHAJIRIN.**”

Dalam erti kata lain ialah menyampaikan ilmu keagamaan serta amal maaruf nahi mungkar.

Di dalam al-Quran dan hadis, banyak nas yang menekankan kepada konsep saling membantu dalam kalangan ahli masyarakat, dalam aspek fizikal dan spiritual.

Contohnya, dalam aspek fizikal atau barangan, firman



Allah SWT yang bermaksud, “Maka (bagi menyatakan sikap syukur) berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing, pemberian yang demikian adalah baik bagi orang yang bertujuan memperoleh keridaan Allah, dan mereka itulah orang yang berjaya” (Surah ar-Rum, ayat 38).

Teladan terbaik

Dalam aspek pemberian khidmat pula, dalam al-Quran menjelaskan teladan terbaik menerusi kisah orang Ansar membantu golongan Muhajirin.

Ini dijelaskan dalam fir-

man Allah SWT yang bermaksud,

“*Sesungguhnya, orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, dan orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman serta pertolongan (kepada orang yang berhijrah itu), mereka semuanya menjadi penyokong dan pembela antara satu sama lain, dan jika mereka meminta pertolongan daripada kamu dalam perkara (menentang musuh untuk membela)*

agama, maka wajiblah kamu menolongnya.” (Surah Anfal, ayat 72).

Budaya kesukarelawanan di negara kita semakin pudar dan perlu digilap segera. Hakikatnya, budaya itu menjadi amalan utama masyarakat kita dahulu tetapi disebabkan oleh pelbagai faktor, budaya ini semakin dilupakan.

Sehubungan dengan itu, masyarakat terutama golongan muda perlu aktif melaksanakan kegiatan kemasyarakatan supaya budaya ini tidak dilupakan begitu sahaja.

Mahasiswa yang berminat untuk menghantar rencana, boleh e-mel ke bhvarsiti@bh.com.my